

# Secara kreatif terap kesedaran antara agama

## TERAP KESEDARAN ANTARA AGAMA:

Encik Muzakkir (kiri) bergambar dengan Encik Ow (kanan) dan seorang yang giat dalam arena puisi, Encik Aaron Lee, semasa pelancaran buku 'From Walden to Woodlands: An Anthology of Nature Poems' di Masjid An-Nahdhah. – Foto ihsan MUZAKKIR SAMAT



BAGI Encik Muzakkir Samat, usaha menerapkan kesedaran antara agama tidak semestinya melibatkan dialog berat, tetapi boleh dilakukan melalui cara-cara kreatif.

Baru-baru ini, pemuda berusia 25 tahun itu telah menerbitkan buku *From Walden to Woodlands: An Anthology of Nature Poems* bersama seorang pendidik beragama Buddha, Encik Ow Yeong Wai Kit.

Menurut Encik Muzakkir, idea di sebalik buku itu tercetus semasa beliau dan Encik Ow menghadiri sebuah perkhemahan antara agama – *Ignite Faiths*.

“Semasa perkhemahan itu kami menginap di asrama dan mengunjungi bilik rakan-rakan kami untuk berbual.

“Daripada perbualan itu, idea

mahu menerbitkan buku ini teretus sebagai satu inisiatif antara agama yang bermakna,” kata Encik Muzakkir, yang kini penuntut tahun akhir Kejuruteraan Sivil di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Menurutnya, oleh sebab Encik Ow minat pada puisi dan beliau pula aktif dalam usaha memelihara alam sekitar, konsep buku itu merangkumi aspek puisi, alam sekitar dan kerohanian.

Ia merangkumi sekitar 70 puisi yang dihantar penulis daripada pelbagai latar belakang dan agama.

“Buku yang terhasil memaparkan tulisan puisi tentang alam sekitar yang berlatarbelakangkan perspektif agama berbeza.

“Mesej yang ingin disampaikan adalah bahawa usaha menanam kesedaran antara agama ini

boleh dilakukan melalui cara-cara kreatif dan juga melalui kerjasama dengan individu berbeza,” ujar beliau.

Kini, Encik Muzakkir dan Encik Ow giat meneruskan usaha menggalak keharmonian antara agama melalui bengkel dan usaha kutipan derma seperti ‘Recite for Rohingya’ tahun lepas dan ‘Speak for Syria’ yang diadakan tahun ini.

Kedua-dua acara tersebut diusahakan oleh anggota daripada pelbagai agama dan juga dengan puisi.

Menurut Encik Muzakkir, kesedaran antara agama penting untuk kebaikan bersama.

“Memang banyak masalah di luar sana, tetapi lebih banyak kebaikan yang dapat dicapai dengan bekerjasama dan mencapai kata sepakat antara agama,” katanya.